

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (K) 1-2010

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan pada 28 April 2008. Perayu telah mengimport pakaian berjenama dari luar negara. Perayu telah membayar duti import sebanyak RM120,098.31. Pada 28 Oktober 2009, Perayu telah membuat tuntutan pulang balik duti kastam yang terlebih bayar atas alasan Perayu layak menuntut pengecualian duti di bawah butiran 174 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988. Pada 7 Januari 2010 Perayu telah menerima surat dari Responden yang memaklumkan tuntutan Perayu ditolak.
2. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 5 April 2010.

ISU

Sama ada Perayu berhak kepada pulang balik duti import yang telah dibayar.

(Selepas rayuan difailkan pihak-pihak telah menjalani proses rundingan penyelesaian sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 141P Akta Kastam 1967. Pada 26 April 2010 Tribunal telah menerima *Notice of Discontinuance* dari Perayu)

KEPUTUSAN

Rayuan dibatalkan.

26 April 2010